

Headline	Special Power Vehicle tebus kemudahan IMTN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Apr 2021	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	35
ArticleSize	134 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,502		



Special Power Vehicle tebus kemudahan IMTN

PETALING JAYA: Penerbit Tenaga Nasional Berhad (TNB), Special Power Vehicle Berhad (SPVB) menebus sekuriti di bawah nota kewangan jangka sederhana Islam (IMTN) Kelas A dan B dengan kemudahan penerbitan gabungan sehingga RM1.02 bilion.

Menurut laman web sistem automatik penuh atau tender (FAST), Bank Negara Malaysia (BNM), Hong Leong Investment Bank Berhad telah membuat pengumuman itu bagi pihak SPVB.

SPVB telah mengeluarkan kemudahan penerbitan IMTN kelas A hingga RM800 juta dan kemudahan penerbitan kelas B sebanyak RM215 juta.

“Sebagai ejen kemudahan IMTN Kelas A dan IMTN Kelas B yang disebutkan di atas, kami dengan ini memaklumkan bagi pihak Special Power Vehicle bahawa penebusan stok sekunder di bawah IMTN Kelas B dijadualkan pada 5 Mei 2021.

“Bagaimanapun, tidak akan ada pembayaran di bawah stok tersebut kerana tidak mematuhi peraturan pembatasan pengedaran menurut akta amanah Klausula 9.1.2 (I) (b),” katanya.

Sementara itu, tambahnya, penebusan stok di bawah Kelas A IMTN akan dilakukan dalam dua bahagian pada 19 Mei 2021.

Julai tahun lalu, TNB mengadakan perjanjian jual beli (SPA) dengan Menteri Besar Negeri Sembilan Inc. (MBINS) bagi membeli lima peratus kepentingan nota Kelas B yang dikeluarkan oleh SPVB.